

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**SEMPENA**  
**MPSP TOWER RUN 2014**  
**24 OGOS 2014 (AHAD), 9:00 PAGI**

---

**Terima kasih Pengacara Majlis**

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penaja

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

---

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah dan syukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menjayakan MPSP Tower Run bagi tahun 2014. Terima kasih diucapkan kepada YB Puan Chong Eng kerana sudi hadir untuk merasmikan program MPSP Tower Run 2014 pada pagi ini dan juga kepada penaja-penaja yang membantu menjayakan MPSP Tower Run 2014.

Saya amat berbesar hati dan bangga kerana MPSP dengan kerjasama pelbagai pihak dapat menganjurkan program ini dengan jayanya. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat kerana berjaya menganjurkan program kesihatan yang memberi kebaikan kepada semua. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi dari semua pihak. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua para penaja bagi program pada pagi ini.

Untuk makluman semua MPSP Tower Run 2014 telah memasuki tahun kedua penganjurannya. MPSP Tower Run 2014 ini berjarak 7km dan disempurnakan dengan menaiki tangga sebanyak 412 anak tangga sebelum menamatkan larian. Pelbagai kategori seperti A,B,C,D,E dan F telah dipertandingkan yang melibatkan pelbagai peringkat umur. Selain larian, cabutan bertuah turut diadakan bagi semua peserta.

Jumlah penyertaan pada tahun ini adalah seramai 645 orang dengan pecahan 404 peserta lelaki dan 241 peserta wanita. Peserta yang paling tua adalah berumur 75 tahun.

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat.

Penganjuran MPSP Tower Run ini mampu melahirkan masyarakat yang sihat dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat. Penganjuran MPSP Tower Run ini mampu meningkatkan taraf kesihatan penduduk dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan. Masyarakat juga dapat meningkatkan tahap kesihatan mereka di samping menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sihat.

Saya amat gembira dengan penyertaan yang amat mengalakkan dari pelbagai lapisan umur dan masyarakat. Saya dimaklumkan terdapat 650 penyertaan termasuk peserta dari luar negara. Dengan penyertaan yang amat mengalakkan ini, menggambarkan kerjasama dan sokongan yang padu daripada masyarakat terhadap program kesihatan anjuran MPSP. Penyertaan yang mengalakkan ini juga merupakan petanda yang positif dan bukti sokongan dan penglibatan masyarakat. Penyertaan yang baik dan mengalakkan ini membolehkan MPSP terus menganjurkan program kesihatan yang memberi manfaat kepada semua pihak. Semoga acara MPSP Tower Run ini akan terus mendapat sambutan yang mengalakkan pada masa akan datang dengan lebih banyak penyertaan dari kalangan orang awam.

Para Hadirin Sekalian,

Selain penganjuran MPSP Tower Run ini, MPSP juga mengadakan program Senamrobik Bersama MPSP. Kami di MPSP ingin memperkenalkan dan memperkembangkan aktiviti sukan dan riadah yang membawa manfaat dan berharap dengan menganjurkan aktiviti seperti ini akan dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal penduduk di Seberang Perai.

Untuk menggalakkan aktiviti sukan dikalangan kakitangan, PESUKA MPSP juga telah mengadakan pelbagai sukan sepanjang tahun 2014. Antara sukan yang telah dianjurkan oleh PESUKA adalah Karom Antara Jabatan, Futsal Piala Yang Dipertua Majlis Terbuka, Sepak Takraw Yang Dipertua Majlis Dan Bola Jaring Antara Jabatan 3 Sebelah. Pada 17 Ogos 2014 yang lalu, telah berlangsungnya Campaign For A Lane (CFAL) edisi ke Enam bertempat di Padang Kota Lama. Kempen Lorong Berbasikal ini sejauh 82km mengelilingi keseluruhan pulau.

Dalam menggalakkan lagi gaya hidup sihat melalui sukan, MPSP juga dengan kerjasama Malaysian Red Crescent Central Seberang Perai Chapter berserta Kerajaan Negeri dan Majlis Sukan Negeri akan mengadakan program GUANG MING WELLNESS TOUR & MERDEKA SPORT CARNIVAL 2014 sempena sambutan kemerdekaan Malaysia ke-57 tahun. GUANG MING WELLNESS TOUR & MERDEKA SPORT

CARNIVAL 2014 akan diadakan pada 7 September 2014 (Ahad) bermula jam 6.30 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Ng Yam Huat Hall Bukit Mertajam . Antara aktiviti yang akan dijalankan termasuk Kayuhan Basikal 30 km (Category A), Competitive Run 10km (Category B,C,D,E,F,G) dan Fun Run 4km (Category H). Jelas disini menunjukkan komitmen dan kesungguhan MPSP dalam melahirkan masyarakat yang sihat.

Akhir kata, saya bagi pihak MPSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua penaja yang telah turut serta seperti Belleview Group, Global Oriental Group, Shop Spot Advertising, CHT, Cap Helang Pagoda, Revive Isotonic Drink, Vico, La Vintage sebagai coordinator program dalam MPSP Tower Run 2014 dengan menyalurkan pelbagai bentuk sumbangan dan tenaga dalam menjayakan program pada kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang pada hari ini dan juga kepada semua yang telah mengambil bahagian. Walaupun tidak semua orang yang dapat naik ke pentas untuk menerima hadiah, namun dengan hanya mengambil bahagian pada hari ini, anda semua merupakan "WINNERS".

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.